

3767/1
Ekonomi
Kertas 1
Ogos - Sept 2025
1 ¼ jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2025**

EKONOMI

Kertas 1


Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. *Kertas jawapan objektif hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

1 Padanan yang manakah betul?

	Sumber ekonomi	Keterangan
A		Harganya meningkat secara berterusan
B		Sumber yang diekstrak dari bumi dan lautan
C		Menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
D		Menghasilkan pengeluaran dengan menggunakan tenaga fizikal dan mental.

2 Apakah konsep kos lepas bagi kerajaan?

- A Kebajikan projek kedua terbaik yang dilepaskan
- B Kegunaan sumber kedua terbaik yang dilepaskan
- C Kepuasan barangan kedua terbaik yang dilepaskan
- D Keuntungan keluaran kedua terbaik yang dilepaskan

3 Pasangan yang manakah betul?

	Masalah asas ekonomi	Keterangan
A	Untuk siapa barang dikeluarkan	Barangan yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak pengguna
B	Apakah yang hendak dikeluarkan	Pengeluar memastikan tidak berlakunya lebihan dalam pasaran
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Firma memastikan kos pengeluaran barangan adalah minimum
D	Berapa hendak dikeluarkan	Corak agihan barang bergantung kepada kemampuan masyarakat

4 Pernyataan yang manakah betul tentang kelemahan sistem ekonomi perancangan pusat?

- A Mewujudkan kuasa monopoli semula jadi
- B Melahirkan masyarakat yang materialistik
- C Menyumbang kepada kesan eksternaliti negatif
- D Melakukan kesilapan dalam membuat keputusan


5 Jadual berikut menunjukkan perubahan permintaan baju blaus pada tahun 2025.

Harga sehelai (RM)	Mei (Helai)	Jun (Helai)
99	200	500

Antara berikut mengapakah berlakunya perubahan permintaan pada bulan Jun?

- I Harga dijangka meningkat ✓
- II Citarasa pengguna meningkat
- III Harga barang penggenap naik
- IV Cukai pendapatan individu naik ✓
- ~~A~~ I dan II
- B I dan IV ✓
- C II dan III
- D III dan IV ✓

- 6 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan suatu barang.




Pergerakan titik a ke titik b menunjukkan

- A pertambahan citarasa
- B penurunan harga barang ✓
- C peningkatan pendapatan
- D pengurangan kadar cukai


- 7 Jadual berikut menunjukkan penawaran suatu barang oleh dua buah firma.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (Unit)	
	Firma A	Firma B
3	8	12
5	10	16


Rajah yang manakah menunjukkan keluk penawaran pasaran?




B



C



D




- 8 Jadual berikut menunjukkan permintaan dan penawaran kasut sukan di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti permintaan (pasang)	Kuantiti penawaran (pasang)
30	60	15
50	40	40 ✓
70	20	50
80	10	70

Pilih pernyataan yang betul mengenai jadual tersebut.

- A Lebih permintaan berlaku pada tingkat harga RM70 ✗
 B Harga kasut cenderung untuk turun pada tingkat harga RM30 ✗
 C Keluk permintaan dan keluk penawaran bersilang pada harga RM50 ✓
 D Permintaan berkurang dan penawaran bertambah pada tingkat harga RM80 ✓
- 9 Jadual berikut menunjukkan perubahan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (Unit)
40	25
30	35



Penyataan yang manakah betul apabila harga barang itu turun?

- A Keluk lebih curam
 B Permintaan tak anjal ✗
 C Jumlah hasil meningkat
 D Tahap ketagihan yang tinggi ✗
- 10 Gambar berikut menunjukkan logo sebuah institusi kewangan di Malaysia.



Bagaimanakah institusi tersebut berfungsi sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

- I Memberi khidmat nasihat pelaburan
 II Mengawal kestabilan nilai mata wang
 III Menyediakan akaun penjelasan hutang ✓
 IV Mengubah kadar rizab berkanun ✓
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III ✓
 D III dan IV ✓

- 11 Kemudahan pinjaman yang manakah disediakan oleh bank perdagangan kepada pelanggannya?
- A Draf bank ✓
 B Kad kredit ✓
 C Debit langsung
 D Perintah sedia ada
- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Puan Roha untuk satu tahun.

Butiran	RM
Gaji setahun	50 000
Dividen ASB	1 000
Pemberian anak	16 000
Caruman Perkeso	400
Cukai pendapatan	300
Zakat	100

KWSP = 5500

Berapakah pendapatan boleh guna Puan Roha, jika kadar caruman KWSP untuk pekerja ialah 11%?

- A RM43 700 ✓
 B RM44 200
 C RM60 700 ✓
 D RM66 200
- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan pendapatan individu.

$$X = \text{Pendapatan boleh guna} - \text{Tabungan}$$

Apakah X?

- A Pembayaran zakat fitrah
 B Membeli logam berharga ✓
 C Pembelian polisi insurans ✓
 D Membayar cukai pendapatan ✓
- 14 Mengapakah kaedah pembayaran kredit lebih digemari berbanding pembayaran secara tunai?
- I Meringankan beban kewangan
 II Mengelak daripada berlaku inflasi ✓
 III Menikmati diskaun harga yang berpatutan
 IV Menggalakkan pembeli merancang perbelanjaan ✓
- A I dan II ✓
 B I dan IV
 C II dan III ✓
 D III dan IV



15 Antara berikut yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?

- I Membelanjakan wang secara berhemat✓
- II Menggalakkan isi rumah menabung
- III Mendahulukan barang kehendak✗
- IV Memaksimumkan perbelanjaan✗
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Pengeluaran jangka pendek menunjukkan

- A penambahan mesin dalam keluaran✗
- B input berubah wujud pada pengeluaran sifar ✗
- C penggunaan input tetap untuk mengeluarkan output ✗
- D kombinasi input tetap dan input berubah dalam pengeluaran✓

17 Jadual berikut menunjukkan jumlah keluaran dan kos marginal sebuah firma.

Jumlah Keluaran (Unit)	Kos Marginal (RM)
1	20
2	15

$$K. m = \frac{\Delta \text{Kos berubah}}{\Delta \text{Jumlah Keluaran}}$$

Jika kos tetap ialah RM70, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 2 unit?

- A RM35
- B RM40
- C RM90
- D RM100

18 Maklumat berikut berkaitan dengan konsep untung perniagaan Zaini.

$$\text{Untung ekonomi} = \text{Untung} - X$$

Apakah X?

- A Kos bahan mentah
- B Bayaran insurans
- C Sewa kedai
- D Gaji Zaini

- 19 Antara berikut yang manakah merupakan faktor peningkatan produktiviti?
- I Pengkhususan skop kerja
 - II Penyelenggaraan mesin berkala
 - III Pemasaran produk yang meluas
 - IV Penghasilan output yang pelbagai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 20 Mengapakah wujud monopoli semula jadi kerajaan dalam pengeluaran barang awam dan barang sosial?
- A Memastikan firma berkuasa mengawal harga
 - B Membuka lebih banyak peluang pekerjaan
 - C Mempunyai banyak barang pengganti
 - D Memerlukan kos modal yang tinggi
- 21 Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal selia pengeluaran?
- A Menetapkan kawasan khas untuk tujuan perindustrian
 - B Melaksanakan dasar harga maksimum barang keperluan
 - C Memberi subsidi kepada firma yang guna teknologi hijau
 - D Mengenakan cukai pelepasan karbon dalam pengeluaran
- 22 Jadual berikut berkaitan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tempoh tiga tahun.

Tahun	KDNK (RM juta)
2020	1 416 605
2021	1 514 624
2022	1 791 358

Sumber: Tinjauan ekonomi 2022 dan 2024, Kementerian Kewangan Malaysia

Antara berikut yang manakah sebab berlakunya perubahan tersebut?

- I Kestabilan politik dan sosial dalam negara
 - II Kekayaan sumber alam semula jadi dalam negara
 - III Kemajuan dalam teknologi pengeluaran barangan
 - IV Kemudahan infrastruktur pengangkutan yang lengkap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

KUALA LUMPUR - Ketidakstabilan ekonomi Malaysia dijangka berlaku pada penghujung tahun 2025 kesan daripada kenaikan tarif elektrik, premium insurans dan gaji minimum.

Sumber: Ubah suai daripada Dagangnews.com 25 Februari 2025

Apakah tindakan yang sesuai bagi mengatasi keadaan tersebut?

- A Kadar cukai dikurangkan
- B Perbelanjaan kerajaan dihadkan
- C Bayaran pendahuluan diturunkan
- D Kadar faedah pinjaman direndahkan

- 24 Antara berikut yang manakah betul tentang kesan dasar fiskal menguncup?

- I Permintaan agregat akan berkurang
- II Pertumbuhan ekonomi menjadi perlahan
- III Pendapatan benar isi rumah akan menurun
- IV Penciptaan kredit dibank perdagangan merosot
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 25 Antara berikut tindakan kerajaan yang manakah betul bagi mengatasi ketidakstabilan ekonomi?

	Dasar Fiskal	Jenis Belanjawan	Ketidakstabilan Ekonomi
I	Mengembang	Belanjawan lebihan	Deflasi
II	Menguncup	Belanjawan defisit	Inflasi
III	Mengembang	Belanjawan defisit	Deflasi
IV	Menguncup	Belanjawan lebihan	Inflasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Pernyataan yang manakah betul apabila bank pusat membeli surat jaminan kerajaan?

- A Bekalan wang dalam pasaran berkurang
- B Berupaya meningkatkan jumlah pinjaman
- C Dikenali sebagai dasar kewangan menguncup
- D Dilaksanakan untuk mengatasi masalah inflasi

- 27 Kestabilan imbalan pembayaran tercapai apabila
- nisbah rizab berkanun diturunkan
 - tempoh pinjaman dipendekkan
 - surat jaminan kerajaan dijual
 - kadar faedah ditingkatkan
- 28 Bagaimanakah kerajaan Malaysia menggalakkan globalisasi?
- Keanggotaan blok ekonomi dimansuhkan
 - Visa pelancong dari negara tertentu dikecualikan
 - Cukai jualan (GST) barangan keluaran tempatan dihapuskan
 - Duti setem untuk rakyat asing yang membeli hartanah dikurangkan
- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri syarikat multinasional.

- Terdapat cawangan di beberapa buah negara
- Pemindahan teknologi canggih
- V

Apakah V?

- Firma besar bersaing dengan firma kecil
 - Memaksimumkan keuntungan dan kebajikan
 - Menggunakan bahan mentah dari negara luar
 - Semua cawangan dikawal oleh firma ibu pejabat
- 30 Maklumat berikut berkaitan dengan komposisi dagangan Malaysia.

Felda Global Ventures Holdings (FGV) menyewa kapal tangki Jepun untuk mengeksport minyak kelapa sawit ke Uzbekistan.

Pasangan yang manakah betul tentang situasi tersebut?

	Eksport	Import
A	Barang nampak	Barang tak nampak
B	Barang tak nampak	Barang nampak
C	Barang nampak	Barang nampak
D	Barang tak nampak	Barang tak nampak

- 31 Situasi manakah yang direkod dalam akaun perkhidmatan?
- Firma Amanjaya mengeksport buah-buahan segar ke Singapura
 - Pasukan terjun negara menggunakan jurulatih pakar dari China
 - Malaysia hulu RM10 juta kepada mangsa gempa bumi di Myanmar
 - Pelabur Malaysia menambah pelaburan dalam sektor pembinaan di India

32 Pasangan yang manakah betul?

	Sekatan	Keterangan
A	Embargo	Penetapan syarat keselamatan barang dagangan
B	Kuota	Had minimum bagi kemasukan barang import
C	Subsidi	Bantuan kerajaan kepada pengeluar tempatan
D	Kawalan pertukaran asing	Mengawal kuantiti Ringgit Malaysia yang dibeli

33 Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan akaun semasa Malaysia.

Lebih imbalan akaun semasa meningkat 3.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama 2024.

Sumber : Bernama.com 17 Mei 2024

Pernyataan yang manakah betul tentang keadaan tersebut?

- A Kuantiti import berkurang
- B Nilai ringgit cenderung turun
- C Aliran keluar wang bertambah
- D Penawaran ringgit meningkat

34 Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika Syarikat (USD).

RM 1.00 = USD 0.23

Berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia jika seorang wanita membeli beg tangan berjenama berharga USD500 melalui perniagaan dalam talian?

- A RM115
- B RM500
- C RM2 174
- D RM11 500

- 35 Jadual berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Januari 2025	April 2025
USD1 = RM 4.50	USD1 = RM 4.47

Pengimport B mengimport suatu barang dari Firma A di Amerika Syarikat bernilai USD80 000 pada bulan Januari 2025 dan membuat pembayaran pada bulan April 2025. Apakah kesan perubahan tersebut?

- I Firma A rugi RM2 400
- II Firma A untung RM2 400
- III Pengimport B rugi RM2 400
- IV Pengimport B untung RM2 400
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan 36 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut:

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Pekali keanjalan kurang daripada satu adalah permintaan tak anjal.
II Permintaan tak anjal merupakan barang mewah.
- 37 I Pendapatan boleh guna merupakan pendapatan sebenar individu setelah ditolak potongan wajib.
II Potongan wajib seperti caruman PERKESO.
- 38 I Kos berubah adalah sama dengan jumlah kos apabila keluaran adalah sifar.
II Kos berubah ialah perbelanjaan firma ke atas faedah pinjaman modal.

- 39 I IHP yang melebihi tahun dasar akan menyebabkan berlakunya inflasi.
II Inflasi diimport berlaku disebabkan oleh penurunan nilai mata wang negara.
- 40 I Ketika perdagangan antarabangsa, negara pengekspor menerima bayaran dalam mata wang negara pengimport
II Mata wang negara pengimport yang dimiliki oleh negara pengekspor dikenali sebagai kadar pertukaran asing.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Benar	Salah
B	Salah	Salah
C	Benar	Benar
D	Salah	Benar